

20 JAN 1998

DR MAHATHIR TEMUI CHOK TONG DI SEBANA RESORT

JOHOR BAHRU, 20 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong di Sebana Resort, 140km dari sini.

Kedua-dua pemimpin itu telah berbincang kira-kira satu setengah jam.

Selepas perbincangan itu berakhir pada 11 pagi, Dr Mahathir kemudian menaiki helikopter untuk ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Yang turut hadir ialah beberapa orang menteri Singapura serta Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan anggota Exco Kerajaan Negeri.

Sebana Resort adalah pusat peranginan pertama di negara ini yang menyediakan kemudahan marina dan padang golf. Ia dibangunkan secara usaha sama oleh YPJ Holdings Sdn Bhd dan Arab Malaysian Development Berhad.

Sabtu lepas, Dr Mahathir telah ke Jakarta menemui Presiden Suharto untuk mengadakan perbincangan.

Di SINGAPURA, Lim Siam Kim, Setiausaha Akhbar Goh, berkata kedua-dua pemimpin itu telah berbincang mengenai krisis mata wang dan juga hubungan dua hala.

Goh dijadual melakukan lawatan rasmi ke Malaysia tidak lama lagi. --
BERNAMA

MKO THG MAI